

Tarikh : 12 Jun 2024

No. Rujukan : EJ70910001

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS JAYA TIASA HOLDINGS BERHAD - PULAU BRUIT

Jaya Tiasa Holdings Berhad telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:

1.	Nama unit pengurusan	: Jaya Tiasa Holdings Berhad - Pulau Bruit
2.	Tarikh mula audit	: 23 Julai 2024
3.	Tarikh akhir audit	: 26 Julai 2024
4.	Lokasi audit	: 96200 Mukah Division, Sarawak. (Eastern Eden Oil Palm Plantations / Poh Zhen Oil Palm Plantations / Wealth Houses Oil Palm Plantations)
5.	Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	: 21461.26 Ha
6.	Standard yang digunakan	MS 2530-3:2013 : Standard ini boleh dibeli melalui http://www.msonline.gov.my/catalog.php
7.	Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	1) Rohazimi Mat Naw; 2) Siti Baizura Abdul Aziz; 3) Ismail Adnan Abdul Malek

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 23 Julai 2024**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturnya mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



ACB ABMS 01
ACB EnMS 01
ACB FMC 02
ACB GMP 04
ACB HACCP 03
ACB MSPO 05
ACB PS 03
MIBAS 003



ACB EMS 02
ACB FSMS 01
ACB ISMS 01
ACB MDQMS 04
ACB OSHMS 01
ACB PC 01
ACB QMS 01



SAMM 085
SAMM 086
SAMM 087
SAMM 240
SAMM 377
SAMM 734
SAMM 735



0074



BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:

Cik Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan

SIRIM QAS International Sdn Bhd

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Section 2, 40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 03-5544 6119 | E-mel: kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di : Jaya Tiasa Holdings Berhad - Pulau Bruit

Saya merujuk kepada surat bertarikh untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang

Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan aspek sosial

Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan alam sekitar

Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan

Sila huraikan : _____

☐ Lain-lain

Sila huraikan : _____

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : _____

Jawatan : _____

No. telefon : _____

Alamat e-mel : _____

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....
Nama :

Alamat :

No. Tel. :